

29/09/2000

KWSP dirayu kaji semula syarat beli komputer

Anak Desa

SAYA amat sedih sekali melihat keadaan adik saya yang kini belajar di salah sebuah sekolah menengah dalam aliran sains. Ini kerana cikgu kelasnya meminta dia menyiapkan kertas kerjanya, kalau boleh ditaip dan mesti menggunakan komputer.

Bayangkanlah betapa sukarnya kalau seseorang yang tidak mempunyai komputer, tentu saja amat sukar untuk melakukannya. Oleh kerana itu, saya meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memberikan kelonggaran kepada semua pencarumnya agar layak membeli komputer dan bukannya dikhaskan kepada mereka yang mempunyai anak berumur 10 tahun dan ada baiknya kalau kerajaan menyamaratakan kemudahan itu.

Saya percaya dan yakin mungkin ada ramai lagi mereka yang inginkan alat itu. Cuma mereka tidak ada masa untuk menyuarakannya. Macam saya sekarang ini, saya terpaksa menanggung persekolahan adik-adik saya kerana bapa sudah meninggal dunia sejak lima tahun lalu.

Demi masa depan adik adik, saya rela berkorban untuk mereka. Di sini saya merayu simpati kepada kerajaan kalau boleh adakanlah syarat terbaru yang mana semua pencarum KWSP boleh mengeluarkan caruman mereka asalkan sekurang-kurangnya mereka mempunyai akaun yang cukup.

Syabas saya ucapkan di atas apa yang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad laungkan - satu keluarga satu komputer.

Semoga rakyat Malaysia semakin maju dalam arus perubahan yang dikecapi dari tahun ke setahun.